

Headline	Dua pekerja TH rasuah, ubah data dipenjara		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	15 May 2014	Circulation	218,251
Section	Negara	Readership	654,753
Page No	8	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 2,385
Journalist	N/A	PR Value	RM 7,155
Frequency	Daily		



## Dua pekerja TH rasuah, ubah data dipenjara

**KUALA LUMPUR** – Mahkamah Sesyen di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara tiga dan empat tahun ke atas dua pekerja Lemba Tabung Haji (TH) selepas mereka didapati bersalah atas tiga pertuduhan berasangan membuat pengubahan kandungan pangkalan data sistem haji dan satu tuduhan menerima rasuah untuk melangka giliran mengerjakan ibadah haji empat tahun lalu.

Tertuduh, Afizul Md. Yasin, 35, dipenjara tiga tahun dan denda RM60,000 bagi tiga pertuduhan yang dikenakan atau lapan bulan penjara jika gagal membayar denda.

Roslan Mohamed Som, 48, pula dijatuhi hukuman penjara empat tahun dan didenda RM40,000 atau 16 bulan penjara jika gagal membayar denda.

Afizul selaku juruanalisis kanan sistem, Jabatan Teknologi Maklumat TH manakala Roslan bertugas sebagai kerani di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan TH.

Hakim Mat Ghani Abdullah memutuskan demikian selepas mendapat pihak pendakwaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan berhubung ketiga-tiga pertuduhan itu.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara dan denda ke atas kedua-dua tertuduh yang kini digantung tugas dengan syarat jumlah wang jaminan dinaikkan kepada RM80,000 setiap seorang.

Mengikut tiga pertuduhan berasangan, Afizul didakwa mengubah pangkalan data TH dengan menggunakan program khas tanpa kuasa yang mana tertuduh tahu perbuatan itu akan menyebabkan pengubahan kandungan pangkalan data sistem TH.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Bangunan Ibu Pejabat TH di sini pada 10 Jun, 12 Julai dan 14 Julai 2010.

Bagi Roslan yang bertugas di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji didakwa menerima rasuah RM6,750 daripada Shamsudin Ibrahim sebagai upah untuk membantu menguruskan nama-nama jemaah haji yang tidak layak mewujudkan haji pada 2010 supaya dapat berbuat demikian pada tahun itu.

Dia didakwa melakukan kesalan itu di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru di sini antara pulak 3.30 petang hingga 4 petang pada 15 Julai 2010.

Didakwa ubah data 25 orang supaya layak tunai haji dan rasuah

### Dua pegawai TH tawar Haji Ekspres



KERATAN Kosmo! 10 Februari 2012.